



SIARAN MEDIA

AHLI PARLIMEN MENINJAU KAWASAN DAIF DI BANDAR, MEMAHAMI KEPENTINGAN PEMBAHARUAN SEMULA BANDAR MELALUI EKSPEDISI ANJURAN KPKT

KUALA LUMPUR, 29 April 2025 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menganjurkan Ekspedisi Pembaharuan Semula Bandar (XPDC PSB) yang melibatkan penyertaan Ahli-Ahli Dewan Rakyat, Dewan Negara dan pengamal media untuk melawat ke tapak skim kediaman bertingkat yang usang dan daif serta tapak skim kediaman yang telah berjaya dijalankan proses **Pembaharuan Semula Bandar (PSB)**.

Seramai 19 orang Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara yang bersama-sama Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YBKM) serta pasukan pengurusan KPKT melawat tapak kediaman yang terlibat. Antara Ahli Dewan Rakyat yang turut terlibat adalah Ahli Parlimen Shah Alam, YB Tuan Haji Azli bin Yusof; Ahli Parlimen Beaufort, YB Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching; Ahli Parlimen Seputeh, YB Puan Teresa Kok dan beberapa lagi Ahli Parlimen lain. Manakala, antara Ahli Dewan Negara yang bersama-sama hari ini adalah YB Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead, YB Senator Tuan Amir bin Md Ghazali, YB Senator Tuan Isaiah A/L D Jacob dan beberapa lagi Ahli Dewan Negara.

Menurut Menteri Nga Kor Ming, “Tujuan utama XPDC PSB ini adalah bagi menjelaskan intipati Rang Undang-Undang Pembaharuan Semula Bandar (RUU PSB) dengan lebih terperinci, menilai impak positifnya kepada penduduk dan merungkai implikasi dan natijah sekiranya tiada mekanisme perundangan yang mantap dalam pelaksanaan PSB.” Lawatan ini memberi peluang untuk ahli-ahli parlimen untuk turun padang dan melihat sendiri keadaan yang usang dan daif dan memerlukan proses pembaharuan semula bandar bagi membina komuniti yang lebih selesa, selamat dan sejahtera untuk masa depan.

Ekspedisi ini diadakan susulan Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Kelima Belas baru-baru ini berkaitan cadangan penggubalan RUU PSB di bawah KPKT. Ia turut menjadi platform libat urus antara Kementerian dan Ahli-Ahli Parlimen sebelum RUU PSB dibentangkan dalam Mesyuarat Kedua Parlimen yang akan datang.

Program ini merangkumi lawatan ke empat (4) lokasi utama melibatkan dua kategori kawasan iaitu: pertama, kawasan-kawasan yang usang, tidak selamat dan tidak kondusif untuk didiami; dan kedua, kawasan-kawasan yang telah berjaya dibangunkan semula. Antara empat (4) lokasi PSB yang telah dilawati pada hari ini adalah:

Kawasan Belum Dibangunkan

- i. Flat Sutera Taman Desa Bakti, Selayang
 - Dibina pada tahun 1992-1994 oleh PKNS.
 - Keluasan asal seunit: 700 kaki persegi.
 - Jumlah unit: 148 unit.
- ii. Flat Taman Kuchai Jaya, Kuchai Lama
 - Dibina pada tahun 1980 oleh Altimas.
 - Keluasan asal seunit: 500 kaki persegi.
 - Jumlah unit: 400 unit rumah dan 80 unit kedai.

Kawasan Berjaya Dijalankan PSB

- iii. 1 Razak Mansion
 - Dibina pada tahun 1961.
 - Keluasan asal seunit: 399 & 504 kaki persegi.
 - Siap dibina semula (PSB) pada tahun 2017.
 - Keluasan baharu: 800 kaki persegi.
 - Jumlah unit: 658 unit rumah.
 - Nilai rumah asal: RM20,000.00
 - Nilai rumah terkini: RM214,000.00 – RM350,000.00
- iv. Residensi Kerinchi.
 - Dibina pada tahun 1974.
 - Keluasan asal seunit: 418 kaki persegi.
 - Siap dibina semula (PSB) pada tahun 2016.
 - Keluasan baharu: 900 kaki persegi.
 - Jumlah unit: 472 unit rumah.
 - Nilai rumah asal: RM70,000.00
 - Nilai rumah terkini: RM449,000.00
 - Dibangunkan secara *mixed development* (bersekali dengan pusat membeli belah).

KPKT merakamkan setinggi-tinggi penghargaan khususnya kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta semua pihak berkepentingan yang telah bersama-sama menjayakan penganjuran program yang julung kali diadakan ini.

Pihak kementerian berharap pengalaman berada sendiri di tapak-tapak kediaman yang usang dan tapak yang telah dibangunkan semula melalui proses PSB. Input konstruktif yang dikongsikan oleh Ahli-Ahli Parlimen yang hadir akan terus memperkukuh usaha Kerajaan MADANI melalui KPKT dalam memelihara kemampanan pembangunan bandar serta menjamin kesejahteraan rakyat.

Menurut YB KM lagi, "Status terkini RUU PSB sedang dimuktamadkan dan telah melalui semakan oleh Jabatan Peguam Negara. Langkah seterusnya adalah untuk dibawa ke kabinet supaya dapat diangkat ke Parlimen yang dijangka pada penghujung Jun tahun ini".

“Penggubalan RUU PSB ini adalah selaras dengan komitmen Malaysia terhadap agenda global iaitu Sustainable Development Goals (SDGs), khususnya SDG 11 (Sustainable Cities and Communities) dan Agenda Perbandaran Baharu (NUA) ke arah mewujudkan pembangunan bandar yang sejahtera, mampan, bahagia dan selamat, seiring dengan aspirasi Malaysia MADANI”.

#MalaysiaMADANI
#Kemampanan
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

